

164

SOALAN NO: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

SOALAN:

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kaedah penyelesaian bagi mengatasi lambakan graduan yang masih menganggur antara tahun 2013-2017.

PR-1353-T01197

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan sentiasa prihatin dengan isu graduan menganggur. Langkah jangka panjang dan jangka pendek telah dan sedang diambil untuk menangani isu ini melalui Kementerian Pengajian Tinggi, kementerian-kementerian lain serta agensi yang ditubuhkan khas untuk membantu graduan mendapat pekerjaan, misalnya Skim Latihan 1Malaysia (SLIM), di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Di bawah Program SLIM, untuk tahun ini setakat 31 Ogos 2017, seramai 57,574 graduan berjaya dibantu mendapat pekerjaan. Langkah jangka panjang oleh Kementerian Pengajian Tinggi ialah melalui pengukuhan kualiti pelajar di peringkat universiti melalui *Graduate Employability Blue Print*.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut bagi membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan:

(i) Portal Perkhidmatan Pekerjaan *JobsMalaysia*

Portal yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk graduan untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja.

(ii) Penubuhan Pusat Kerjaya (*JobsMalaysia Centre - JMC*) di *Urban Transformation Centre (UTC)*

166

JMC berperanan menyediakan perkhidmatan kepada komuniti mengenai maklumat berkaitan peluang pekerjaan, bimbingan kerjaya, pendaftaran pencari kerja, pendaftaran kekosongan jawatan, pemadanan pekerjaan, temuduga serta penempatan pekerjaan.

(iii) Penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya (*Career Information Centre*)

Ia berfungsi sebagai "One Stop Centre" bagi pencari kerja. Pusat ini bertempat di *JobsMalaysia* yang berfungsi untuk memberi bimbingan kerjaya dan menyampaikan maklumat kepada semua pencari kerja.

(iv) Program Penempatan Pekerjaan

Penganjuran program penempatan pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya (*Job Fair*) dan temuduga terbuka telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Sehingga 30 September 2017, sebanyak 1,295 program penempatan pekerjaan telah dilaksanakan dengan penglibatan sebanyak 11,000 majikan yang berdaftar dengan *JobsMalaysia* dengan menawarkan kekosongan jawatan aktif sebanyak 197,241. Penganjuran program ini telah berjaya menempatkan seramai 155,028 orang pencari kerja.

3. Daripada tahun 2013 hingga 30 September 2017, seramai 946,642 graduan telah didaftarkan *JobsMalaysia* untuk mendapatkan pekerjaan. Dari jumlah ini, seramai 268,450 graduan telah berjaya diberi penempatan dalam pekerjaan.

4. Kesimpulannya, dengan penganjuran program-program yang giat dilaksanakan untuk membantu golongan graduan mendapatkan pekerjaan, adalah diharapkan isu pengangguran dapat ditangani di kalangan graduan.